



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Bank Islam (Pindaan) 1985

DR.30/1985

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Islam 1983.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank Islam (Pindaan) 1985.

Tajuk ringkas.

2. Akta Bank Islam 1983, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah paragraf (c) subseksyen (1) seksyen 24 dan subseksyen (2)” dalam subseksyen (1) seksyen 25 dengan perkataan-perkataan “Melainkan jika dikecualikan selainnya oleh Bank Negara dengan syarat atau tanpa syarat, atau kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (2) atau subseksyen (4)”.

Pindaan seksyen 25. Akta 276.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 27, seksyen baru 27A berikut:

Seksyen baru 27A.

“Pengawalan had kredit.

27A. (1) Seseorang pengarah, pengurus atau pekerja sesuatu bank Islam tidak boleh memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang melebihi had kuasanya atau berlawanan dengan mana-mana arahan yang dikenakan oleh bank Islam itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini, Menteri dengan notis bertulis boleh mengarahkan sesuatu bank Islam supaya mengemukakan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan

polisi dan prosedurnya bagi pemberian apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit, khususnya had kuasa seseorang pengarah, pengurus atau pekerja bank Islam itu, atau apa-apa perubahan mengenainya dari semasa ke semasa:

Dengan syarat bahawa Menteri hendaklah mempunyai kuasa bagi mengarah sesuatu bank Islam supaya meminda prosedur yang diikuti oleh bank Islam itu dalam memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit termasuk had-had kuasa berkenaan dengan pemberian tersebut.

(3) Mana-mana orang yang melanggar apa-apa peruntukan seksyen ini atau apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama suatu tempoh tidak lebih dari tiga tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan tertentu kepada Akta Bank Islam 1983 atas sebab-sebab yang dinyatakan di bawah ini.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 25 Akta untuk membolehkan Bank Negara mengecualikan, dengan syarat atau tanpa syarat, sesuatu bank Islam daripada larangan mengenai pemberian pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit kepada orang-orang yang dinyatakan dalam seksyen itu.

3. *Fasal 3* bertujuan mengemukakan seksyen baru 27A kepada Akta, untuk melarang seorang pengarah, pengurus atau pekerja sesuatu bank Islam daripada memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang melebihi had kuasanya atau yang berlawanan dengan mana-mana arahan yang dikenakan oleh bank Islam itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1349.]